Panduan Pengurusan program j-QAF Pemulihan Jawi.

1. Pengenalan

Mata pelajaran jawi diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam semenjak Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Semenjak tempoh itu, tahap penguasaan murid dalam pelajaran jawi belum mencapai tahap yang membanggakan. Dengan itu satu langkah untuk memperkasakan tulisan jawi telah dilaksanakan melalui Program j-QAF dengan mengadakan kelas jawi.

Pemulihan jawi merupakan aktiviti pembelajaran yang mesti dilalui oleh murid-murid yang lemah. Ia perlu diajar dengan menggunakan metodologi dan teknik yang berkesan supaya mereka dapat menguasai kemahiran mengenal, membaca dan menulis dengan sempurna.

Kaedah yang sesuai bagi murid-murid pemulihan ini dimulai dengan proses mengenal sesuatu benda atau huruf. Fakta sejarah telah membuktikan bahawa Nabi Allah Adam as. telah diperkenalkan nama-nama alam oleh Allah swt melalui wahyu-Nya (2:31)

Dalam konteks pendidikan, kemahiran mengenal amatlah perlu dilalui oleh setiap murid, apatah lagi murid-murid yang lemah. Dalam proses ini, seorang guru harus berhati-hati supaya daya mutu murid-murid pemulihan ini dapat dibentuk dengan teratur dan tersusun. Apabila proses mengenal ini telah dapat dikuasai oleh mereka, barulah diajar membaca huruf jawi tunggal, suku kata dan rangkai suku kata yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka.

Apabila tahap mengenal dan membaca dapat dikuasai, barulah guru mengajar kemahiran menulis dari huruf tunggal, suku kata dan rangkai kata. Dengan cara demikian murid-murid pemulihan akan dapat

menguasai kemahiran mengenal, membaca dan menulis tulisan jawi dengan sempurna. Sekali gus terbentuklah perubahan tingkah-laku kognitif, afektif dan psikomotor murid dengan lebih berkesan.

Bagi mencapai hasrat ini, Program j-QAF telah memperkenalkan Mata Pelajaran Pemulihan Jawi disekolah rendah. Mata pelajaran ini adalah untuk memulihkan murid-murid yang lemah dalam jawi mengatasi masalah keciciran penguasaan jawi di sekolah.

Perbezaan minat, pengalaman, bakat dan gaya belajar individu murid mengakibatkan segolongan mereka ketinggalan dalam menguasai kemahiran jawi. Oleh itu mereka diberi pendedahan melalui pemulihan jawi, supaya masalah ini dapat diatasi.

2. Konsep

Program Pemulihan Jawi adalah satu usaha mengatasi masalah keciciran pembelajaran dan kemahiran murid dalam tulisan jawi. Ia diajar oleh guru yang dilatih khas di bawah Program j-QAF. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mengikut modul jawi yang disediakan oleh JAPIM. Kelas Pemulihan ini dijalankan serentak dengan jadual waktu mata pelajaran jawi di sekolah.

3. Skop

Mata Pelajaran Pemulihan Jawi ini memberi memberi tumpuan kepada aspek pemulihan yang merangkumi perkara berikut:

3.1 Menguasai huruf jawi tunggal dan suku kata.
3.2 Menulis tulisan jawi dengan baik.
3.2 Membaca tulisan jawi dengan lancar.
3.4 Mempelajari asas seni tulisan jawi.

4. Matlamat

Matlamat Mata Pelajaran Tulisan Jawi adalah untuk membolehkan murid-murid yang ketinggalan jawi dipulihkan dan menyertai murid-murid lain di dalam kelas jawi biasa.

5. Objektif

Setelah mengikuti kelas pemulihan jawi murid dapat:

5.1 Mengenal, menyebut dan menulis huruf jawi tunggal.
5.2 Mengenal, menyebut dan menulis huruf jawi sambung.
5.3 Mengenal, membaca dan menulis suku kata terbuka.
5.4 Mengenal, membaca dan menulis suku kata tertutup.
5.5 Membaca dan menulis rangkai kata dan ayat.
5.6 Mengenal, membaca dan menulis perkataan pinjaman.
5.7 Mengenal, membaca dan menulis perkataan berimbuhan dan ayat pendek.
5.8 Mengenal dan menggunakan tanda baca.
5.9 Membaca dan menulis pelbagai jenis teks mudah daripada pelbagai bahan.
5.10 Mengenal dan meniru seni khat.

6. Tugas dan tanggungjawab guru Pemulihan Jawi.

6.1 Senarai Tugas.

i. Menjalankan kerja-kerja pemulihan khusus bagi murid-murid yang lemah atau yang lambat dan yang terpilih dari tahun 1 hingga 6. Keutamaan ditumpukan kepada murid-murid tahap satu (tahun 1,2,3)
ii. Membantu guru lain dalam merancang dan menyediakan aktiviti dan bahan pengajaran dan pembelajaran.
iii. Melaksanakan penilaian berteruskan terhadap kelas pemulihan jawi berdasarkan maklumat-maklumat berikut:
   a. Kemajuan murid
   b. Latar belakang murid
   c. Laporan kesihatan murid
iv. Menyediakan folio murid pemulihan jawi seperti:
   a. Borang pencalonan
   b. Borang latar belakang
   c. Borang mnengumpulan maklumat
   d. Ujian saringan dan dianogkstik
   e. Lembaran kerja
   f. Hasil-hasil penilaian yang dijalankan
   g. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan

7. Jadual Waktu

7.1 Guru pemulihan jawi mempunyai agihan masa. Kelas Pemulihan Jawi dijalankan serentak dengan waktu pengajaran jawi murid-murid kelas biasa. Dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 1 jawi diajar selama dua waktu (60 minit) seminggu. Selepas itu ia diajar selama 1 waktu (30 minit) seminggu pada 6 bulan kedua tahun 1 dan keseluruhan tahun 2 hingga tahun 6 dan dirumuskan seperti jadual berikut:

GILIRAN	6 BULAN PERTAMA	6 BULAN KEDUA
TAHUN 1	2 WAKTU SEMINGGU	1 WAKTU SEMINGGU
TAHUN 2	1 WAKTU SEMINGGU	
TAHUN 3	1 WAKTU SEMINGGU	
TAHUN 4	1 WAKTU SEMINGGU	
TAHUN 5	1 WAKTU SEMINGGU	
TAHUN 6	1 WAKTU SEMINGGU	

7.2 Faktor penting dalam pengurusan jadual waktu:

i. Tentukan masa yang diperlukan mengikut keperluan kelas.
ii. Berpandukan jadual waktu induk sekolah.
iii. Catatkan waktu panduan dan persediaan.
iv. Pamerkan jadual waktu kelas pemulihan dalam bilik darjah.
v. Edarkan salinan jadual waktu kepada pengurus sekolah.
vi. Jika perlu beri kerjasama kepada jawatankuasa pembentukan jadual waktu sekolah.

8. Strategi Pelaksanaan.

Proses pelaksanaan Program Pemulihan Jawi bermula seperti dalam carta aliran berikut:



8.2 Pencalon

Pencalonan murid untuk mengikuti Program Pemulihan Jawi boleh dilakukan oleh guru kelas, guru besar dan ibu bapa atau penjaga.

8.2.1 **Guru kelas** : Boleh mencalonkan murid-murid untuk mengikuti kelas berdasarkan pencapaian murid dalam kemahiran asas 3M (mengenal, membaca dan menulis), hasil kerja murid dalam kelas atau keputusan ujian yang diikuti seperti ujian bulanan, semester atau ujian setiap kemahiran.

8.2.2 **Guru besar** : Boleh mencadangkan murid-murid berdasarkan penelitian kad-kad laporan murid dan pemerhatian secara am sama ada di sekolah atau rumah.

8.2.3 **Ibu bapa atau penjaga** : Boleh mencalonkan anak-anak mereka untuk mengikuti program pendidikan pemulihan jawi berdasarkan masalah pembelajaran anak mereka.

*(Murid tahun 1 dicalonkan selepas menjalinkan ujian saringan, manakala bagi murid tahun 2 dan tiga berdasar pencapaian dalam mata pelajaran tahun sebelumnya)

8.3 Pengumpulan Maklumat

8.3.1 Maklumat peribadi dan prestasi murid akan dapat membantu guru pemulihan jawi dalam memahami masalah murid yang dicalonkan. Ini membolehkan guru pemulihan jawi membuat keputusan sama ada murid itu akan mengikuti Program Pemulihan Jawi atau sebaliknya. Daripada Rekod Peribadi, guru pemulihan jawi dapat mengetahui tentang beberapa aspek penting seperti kesihatan dan taraf sosio-ekonomi murid.

8.3.2 sumber-sumber untuk mendapat maklumat adalah seperti berikut:

i. **Guru besar** :Berdasarkan rekod murid, pemerhatian dan hubungan.
ii. **Guru kelas** :Boleh mengambil maklumat dengan mengambil tahu berkenaan dengan kehadiran, ketepatan masa ke sekolah dan perhubungan dengan murid-murid lain.
iii. **Ibu bapa** : Boleh memberitahu tingkah laku umum, kegemaran dan perkara-perkara yang tidak digemari serta sikap terhadap pelajaran. Perbincangan dengan ibu bapa amat digalakkan bagi membolehkan pelaksanaan Program Pemulihan Jawi berjalan lancar.

8.3.3 Antara ciri-ciri kanak-kanak pemulihan jawi:

i. Dari sudut emosi dan tingkah-laku.
    a. Perasaan risau dan rendah diri.
    b. Perasaan sedih atau hiba atau duka.
    c. Perasaan cepat bosan atau jemu terhadap pelajaran.
    d. Perasaan takut akan perkara-perkara baru.
    e. Degil, tidak patuh kepada peraturan dan suka melawan.

ii. Dari sudut sosial
    a. Tidak berminat belajar jawi.
    b. Tidak disenangi oleh murid-murid lain.
    c. Berperangai ganjil seperti mengisap atau menggigit jari.
    d. Kerap ponteng sekolah.
    e. Suka mengasingkan diri.

iii. Kesihatan
    a. tumpuan perhatian terhad.
    b. Kesihatan terganggu seperti selalu sakit, sakit terlalu lama dan berterusan.

iv. Kesediaan Belajar
    a. Belum bersedia untuk belajar.
    b. Lemah pemahaman

v. Pengamatan
    a. Tidak boleh mengenal bentuk huruf-huruf jawi.
    b. Tidak boleh mengenal perbezaan huruf-huruf jawi.
    c. Kesukaran mengaitkan pelajaran yang lama dengan yang baru.
    d. Lemah pergerakkan dan perbuatan.
    e. Lemah daya pemikiran.
    f. Tidak boleh mengingat kembali.

vi. Keciciran jawi

Selain daripada ciri-ciri di atas terdapat juga murid-murid yang telah dapat menguasai kemahiran mata pelajaran lain tetapi masih lemah menguasai kemahiran asas jawi. Murid-murid ini dikategorikan sebagai murid yang tercicir dalam pembelajaran jawi dan perlu dimasukkan ke kelas pemulihan jawi.

8.3.4 Ujian Saringan

i. Ujian saringan ialah satu saringan instrument pengukuhan yang menyeluruh terhadap kekuatan dan kelemahan murid dalam penguasaan kemahiran-kemahiran asas 3M (mengenal,membaca dan menulis) huruf jawi.

ii. Bahan dalam ujian saringan merangkumi tajuk-tajuk pelajaran yang telah diajar oleh guru kelas sehingga masa saringan diberikan.

iii. Ujian ini boleh dijalankan apabila menerima pencalonan.

iv. Ujian ini dijalankan secara individu atau kumpulan kecil dan direkodkan dalam borang lampiran A (rujuk buku panduan modul-modul j-QAF tahun 1, muka surat 63-66).

v. Senarai kemahiran yang diuji hendaklah ditentukan dan direkodkann dalam jadual penentu ujian (JPU)

vi. Bilangan murid ynag diterima masuk ke kelas pemulihan jawi berdasarkan beberapa faktor:
    a. Skor yang lemah.
    b. Jenis masalah yang dihadapi oleh murid.

8.3.5 Ujian Dianogtik

i. Ujian yang dijalankan mengesan dan mengenal-pasti punca dan kelemahan sesuatu kemahiran yang telah diajar dalam proses P&P.

ii. Pelaksanaan ujian dianogstik, guru kelas pemulihan hendaklah menjalankan ujian dianogstik kepada murid kelas pemulihan.

iii. Keputusan analisa ujian dianogstik dapat menentukan kelemahan dan kekuatan murid dalam menguasai sesuatu kemahiran.

iv. Hasil daripada analisa itu juga dapat membantu guru merancang satu program pengajaran yang khusus kepada seseorang individu atau kepada satu kumpulan dengan lebih tepat dan sistematik.

v. Murid yang telah dapat menguasai kemahiran tersebut akan dimasukkan ke dalam kelas biasa semula mana kala murid yang tidak dapat menguasai kemahiran sepenuhnya akan dimasukkan ke dalam kelas pemulihan khas jawi.

8.3.6 Pelaksanaan

Setelah murid pemulihan dikenal-pasti melalui analisa di atas, guru hendaklah melaksanakan P&P perpandukan kepada buku panduan pelaksanaan model-model pengajaran dan pembelajaran serta kokurikulum mengikut tahap murid.

Selepas itu setiap murid dikehendakki menjalani ujian pencapaian bagi menentukan kemahiran asas dapat dikuasai sepenuhnya.

8.3.7 Ujian Pencapaian

i. Ujian pencapaian ini merupakan ujian sumatif setelah murid-murid mengikuti pembelajaran dalam kelas pemulihan jawi. Ia juga merupakan instrumen pengukuhan pencapaian dalam menguasai kamahiran asas mata pelajaran jawi.

ii. Penggubalan soalan bagi ujian ini adalah berasaskan unit-unit pembelajaran jawi.

iii. Setiap murid dikehendaki menjalani ujian ini bagi menentukan kemahiran asas dapat dikuasai sepenuhnya

iv. Keputusan pencapaian murid dikategorikan berdasarkan gred berikut:

Gred	Markah
A	80 - 100
B	60 – 79
C	40 – 59
D	20 – 39
E	0 – 19

v. Pencapaian murid-murid gred A & B di atas akan dimasukkan semula ke kelas biasa.

vi. Bagi murid-murid yang dapat mencapai gred C ke bawah adalah dicadangkan supaya dimasukkan ke kelas pemulihan khas.

vii. Pencapaian setiap murid hendaklah direkodkan dalam borang rekod ujian pencapaian pemulihan jawi seperti dalam lampiran F.

8.4 Tindak susulan.

i. Murid yang telah mengikuti kelas pemulihan jawi dan telah berjaya mengatasi masalah dalam mana-mana kemahiran adalah layak dikembalikan ke kelas biasa.

ii. Bagi murid-murid yang tidak mencapai tahap 80% menguasai kemahiran asas dicadangkan supaya dimasukkan ke kelas khas pemulihan jawi.

iii. Maklumat pencapaian murid hendaklah diserahkan kepada guru kelas.

iv. Guru kelas dan guru pemulihan jawi hendaklah sentiasa bekerjasama dalam mengekalkan prestasi murid pemulihan jawi.

9. Pemantauan.

9.1 Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kelas pemulihan jawi, pemantauan perlu dilakukan secara berterusan dari pihak pentadbir dan pengurusan.

9.2 Pemantauan juga boleh dilakukan melalui borang soal selidik seperti dalam Lampiran A2.

10. Bilik Pemulihan Jawi (Baitul Hikmah)

Dalam melaksanakan pemulihan jawi, satu bilik khas diperlukan supaya pengajaran dan pembelajaran jawi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sistematik (*rujuk Lampiran D*)

Lampiran A

BORANG SOAL SELIDIK

Arahan : Sila tandakan (√) pada ruang yang berkenaan.

Bahagian A:

(*Untuk diisi oleh Pentadbir*)

BIL.	PERKARA	RESPON	
		YA	TIDAK
1	Adakah peruntukan guru pemulihan jawi diberi di sekolah anda?		
2	Adakah bilik yang khusus untuk kelas pemulihan jawi disediakan?		
3	Adakah bahan pengajaran dan pembelajaran kelas pemulihan jawi disediakan?		
4	Adakah kelas pemulihan jawi dijalankan dengan sempurna?		
5	Adakah penyeliaan dilakukan sekurang-kurangnya sebulan sekali terhadap Program Pemulihan Jawi?		
6	Adakah anda menyediakan laporan bagi setiap kali penyeliaan dilakukan?		
7	Adakah setiap laporan penyeliaan anda difailkan?		

BORANG SOAL SELIDIK

Arahan : Sila tandakan (√) pada ruang yang berkenaan.

Bahagian B:
(*Untuk diisi oleh Guru Pemulihan Jawi*)

BIL.	PERKARA	RESPON

		YA	TIDAK
1	Adakah anda guru j-AQF pemulihan jawi?		
2	Adakah kelas anda mempunyai kurang daripada 6 – 10 orang murid?		
3	Adakah anda telah menjalankan ujian melalui ujian saringan dan ujian dianogstik?		
4	Adakah anda mempunyai bilik yang khusus untuk Program Pemulihan Jawi?		
5	Adakah anda mempunyai jadual waktu yang khusus?		
6	Adakah rancangan semester dan harian dicatat dalam buku persediaan mengajar anda?		
7	Adakah anda merekodkan pencapaian murid?		
8	Adakah anda menyediakan rekod prestasi kemajuan setiap murid?		

Bahagian : *Pengurusan*

BIL.	PERKARA	ADA	TIADA	CATATAN
1	Carta Organisasi Program Pemulihan Jawi.			
2	Jawatankuasa Pemulihan Jawi.			

3	Mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Jawi.			
4	Takwim Program Pemulihan Jawi.			
5	Senarai tugas guru pemulihan jawi.			
6	Jadual waktu kelas pemulihan jawi.			
7	Fail lembaran kerja pemulihan jawi.			
8	Fail peribadi murid.			
	i. Borang pencalonan			
	ii. Borang latar belakang murid.			
	iii. Borang pengumpulan maklumat			
	iv. Ujian saringan			
	v. Ujian Dianogstik			
9	Jadual kedatangan			
10	Buku persediaan mengajar			
11	Rekod ujian bulanan / penggal			

Ulasan dan cadangan:

……

……

……

……

Tanda tangan :……..

Nama :……..

Jawatan :……..

1. **Maklumat Sekolah**:

i. Nama dan alamat sekolah:

……

……

……

ii. No. telefon :.....

iii. Inrolmen murid :.....

iv. Bilangan murid pemulihan jawi:.....

2. Maklumat Guru Pemulihan Jawi

1. Nama :.....

2. Jantina :.....

3. Tarikh lahir : .....

4. No. Kad Pengenalan : .....

5. No. Fail JPN : .....

6. Tarikh Lantikan Pertama : .....

7. Tarikh Lantikan Guru j-QAF Pemulihan : .....

8. Kursus Pemulihan Khas yang dihadiri (peringkat tertinggi) :

: .....

9. Tarikh dan tempoh berkursus : .....

Lampiran B

LATAR BELAKANG MURID

A. Latar Belakang

Nama : .....

Umur :..... Tahun : .....

Tarikh Lahir:.....

Tempat di lahirkan:.....

Jantina :..... Agama :.....

Bangsa :.....

Tarikh masuk sekolah :.....

Alamat rumah :.....

.....

.....

Bandar / Luar Bandar*

Jarak dari sekolah : .....

Cara ke sekolah : .....

Pekerjaan bapa / Penjaga :.....

Jumlah Pendapatan : .....

Pekerjaan ibu : .....

Jumlah pendapatan : .....

Latar belakang pendidikan :
(sekolah rendah / menengah / maktab / universiti)*

Tinggal dengan siapa : .....

Bahasa ibu bapa : .....

Bahasa digunakan di rumah : .....

Bilangan kanak-kanak di rumah : .....

Lelaki : ..... Perempuan : .....

Bilangan penghuni dalam rumah : .....

Kedudukan didalam keluarga : .....
(sulung / tunggal / bongsu / dan lain-lain)*

Bilangan anak bersekolah dalam keluarga:.....

Bantuan belajar di rumah : .....

Pengalaman pra-sekolah : .....

B. Makanan di rumah

Sarapan pagi : Ada / tiada*

Makan tengahari : Ada / tiada*

Makan malam : Ada / tiada*

C. Perbelanjaan sekolah

Wang saku : Ada / tiada* Jumlah :.....

D. Bahan permainan bantu pembelajaran di rumah.

Permainan :

1. Luar rumah :.....

2. Dalam rumah : .....

Television	: Ada / tiada*	Video	: Ada / tiada*
Radio	: Ada / tiada*	Perakam	: Ada / tiada*
Surat Khabar	: Ada / tiada*	Bahasa	:.....
Majalah	: Ada / tiada*	Bahasa	: .....

Buku-buku : Ada / tiada* Bahasa : .....

E. Kemudahan di rumah

Bekalan elektrik : Ada / tiada*

Bekalan air : Paip / telaga / tali air / sungai / lombong*

Kerusi : Ada / tiada*

Meja : Ada / tiada*

Jumlah bilik : .....

Jenis rumah : .....

Tanda tangan guru : .....

**(potong mana yang tidak berkenaan)*

Lampiran C

BORANG PENGUMPULAN MAKLUMAT

Nama murid : .....

Kelas :.....

Komen Mengenai Rekod:

.....

.....

.....

Perseorangan :

.....

.....

Akademik : .....
(termasuk yang di dalam borang pencalonan)

Perbincangan dengan guru besar :

.....

.....

.....

Perbincangan dengan guru kelas :

.....

.....

.....

Perbincangan dengan ibu bapa / penjaga :

.....

.....

.....

Pemerhatian guru pemulihan :

.....

.....

.....

Komen umum :

.....

.....

.....

KEPUTUSAN : murid ini diterima / tidak diterima untuk mengikuti Program Pemulihan Jawi.

Lampiran D

Contoh Plan Kelas Pendidikan Pemulihan Jawi





Lampiran E

Borang Pemantauan

Arahan : Sila tandakan (√) pada ruang yang berkenaan.

Bahagian A.
(*Untuk diisi oleh pentadbir*)

BIL.	PERKARA	RESPON	
		YA	TIDAK
1	Adakah peruntukan guru pemulihan jawi diberi?		
2	Adakah Program Pemulihan Jawi dijalankan?		
3	Adakah anda mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang program Pemulihan Jawi?		
4	Adakah bilik yang khusus untuk Program Pemulihan Jawi?		
5	Adakah bahan pengajaran dan pembelajaran untuk Program Pemulihan Jawi disediakan?		
6	Adakah penyeliaan dilakukan sekurang-kurangnya sebulan sekali dilakukan terhadap Program Pemulihan Jawi?		
7	Adakah anda menyediakan laporan bagi setiap kali penyeliaan dilakukan?		
8	Adakah setiap laporan penyeliaan anda difailkan?		

Lampiran F

Borang Rekod Ujian Pencapaian Jawi

Nama : .....Tahun : .....

Tarikh Lahir : ..... Umur: .....

Sekolah : .....

Catatan : Guru rekodkan bilangan jumlah jawapan yang betul bagi setiap kemahiran yang diuji dalam ruang skor.

BIL.	SENARAI KEMAHIRAN YANG DIUJI	SKOR	CATATAN
1	Mengenal huruf tunggal.	/25	
2	Mengenal huruf jawi bersambung.	/25	
3	Pembentukan suku kata terbuka.	/25	
4	Pembentukan perkataan dari suku kata terbuka.	/25	
JUMLAH		/100	

Catatan Penguji :

Tandatangan Penguji : _____

Nama Penguji : _____

Tarikh : _____